



DR. RAZMAN JARMIN (empat dari kiri) ketika merasmikan Hari Terbuka Unit Terapi Cara Kerja Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia, di Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Terapi cara kerja bantu pesakit kembali aktif

Kewujudan Unit Terapi Cara Kerja di hospital-hospital awam jarang disedari masyarakat, yang lazimnya ke hospital bagi mendapatkan rawatan apabila mengalami sakit atau sekadar menziarahi ahli keluarga yang berada di wad.

Hakikatnya, unit tersebut sebenarnya memberikan perkhidmatan rehabilitasi menyeluruh kepada pesakit yang memerlukan dengan menggunakan kaedah rawatan tertentu seperti aktiviti kefungsihan dan modifikasi alatan serta persekitaran pesakit.

Justeru, bagi mendedahkan orang ramai tentang peranannya, Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) Universiti Kebangsaan Malaysia, baru-baru ini menganjurkan program Hari Terbuka sempena Hari Terapi Cara Kerja Sedunia.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan Bedah HCTM, **Prof. Datuk Dr. Razman Jarmin** berkata, program tersebut bagi menonjolkan perkhidmatan-perkhidmatan terapi cara kerja yang disediakan oleh unit tersebut.

Katanya, unit terapi berkenaan berperanan penting dalam proses rehabilitasi pesakit secara terperinci.

"Ia membantu pesakit mengadaptasi tentang cara hidup yang biasa dilakukan seperti belajar memakai baju atau menyediakan makanan yang tidak diajar oleh pihak perubatan yang lain.

"Dalam hal ini, aktiviti-



DR. RAZMAN JARMIN mencuba salah satu terapi yang disediakan ketika Hari Terbuka Unit Cara Kerja HCTM.

aktiviti yang disediakan dilihat mampu meningkatkan kualiti hidup mereka, khususnya dalam aspek sosial," katanya pada majlis pelancaran Hari Terbuka Unit Terapi Cara Kerja HCTM, di Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Dr. Razman lagi, bagi membantu golongan yang memerlukan, unit terapi tersebut bukan sahaja menyediakan sesi latihan untuk pesakit, bahkan melibatkan persekitaran mereka, meliputi keluarga dan adik-beradik pesakit.

Misalnya, tentang bagaimana untuk melayan dan mengurus kanak-kanak istimewa, mahupun pesakit kelainan upaya yang melibatkan elemen pendidikan berterusan kepada pesakit dan keluarga.

Beliau berkata, secara umumnya, unit terapi cara kerja ini menawarkan perkhidmatan yang terbahagi kepada tiga terapi disiplin,

iaitu disiplin kanak-kanak (pediatrik), pesakit mental (psikiatrik) dan disiplin orang dewasa.

"Kemudahan ini boleh dinikmati pesakit yang telah memperoleh surat pengesahan daripada doktor dan memberikan rujukan tersebut kepada kakitangan unit ini.

"Penilaian akan dijalankan bagi mengenal pasti masalah dan merancang perawatan yang bersesuaian mengikut keadaan pesakit," katanya.

Sementara itu, Hari Terbuka sempena Hari Terapi Cara Kerja, merupakan usaha advokasi, di samping menyokong dan menghargai profesion jurupulih cara kerja di UKM.

Ia juga menjadi platform kepada ahli terapi cara kerja untuk menyebarkan informasi perkhidmatan secara terbuka kepada semua peringkat pengunjung. - SITI NUR ZURAIKHA YAACOB